

# CPD FEST

## Islamic Estate Management (Pengurusan Pusaka Islam)

30 dan 31 Okt  
1, 6, 7 dan 8 Nov 2023

### Yuran Pendaftaran

Ahli Badan Peguam Malaysia/SLS/AAS  
RM20 setiap webinar  
RM100 untuk enam webinar

Pelatih dalam Kamar dan Pelajar Undang-undang  
RM10 setiap webinar  
RM50 untuk enam webinar

Bukan Ahli: RM60 setiap webinar

### Sesi 1:

**30 Okt 2023 (Isnin)**

**2:30 petang hingga 4:00 petang**

**Prosedur yang Perlu Dipatuhi oleh Pewasiat  
Serta Kedudukan Undang-undang di Malaysia**

Kod CPD: T5/30102023/BC/BC233244/1

Mata CPD: 1

### Sesi 2:

**31 Okt 2023 (Selasa)**

**2:30 petang hingga 4:00 petang**

**Memfaatkan Wakaf dalam Pengurusan  
Harta**

Kod CPD: T5/31102023/BC/BC233245/1

Mata CPD: 1

### Sesi 3:

**1 Nov 2023 (Rabu)**

**2:30 petang hingga 4:00 petang**

**Surat Pentadbiran dan Probet dalam  
Pengurusan Harta Pusaka Orang Islam**

Kod CPD: T5/01112023/BC/BC233246/1

Mata CPD: 1

### Sesi 4:

**6 Nov 2023 (Isnin)**

**2:30 petang hingga 4:00 petang**

**Harta Sepencarian dan Hak Wanita**

Kod CPD: T5/06112023/BC/BC233247/1

Mata CPD: 1

### Sesi 5:

**7 Nov 2023 (Selasa)**

**2:30 petang hingga 4:00 petang**

**Aplikasi Hibah dan Hibah Amanah dalam  
Konteks Kewangan Islam**

Kod CPD: T5/07112023/BC/BC233248/1

Mata CPD: 1

### Sesi 6:

**8 Nov 2023 (Rabu)**

**2:30 petang hingga 4:00 petang**

**Kepentingan Sijil Faraid dalam Pengurusan  
Harta Pusaka Islam**

Kod CPD: T5/08112023/BC/BC233249/1

Mata CPD: 1

Klik di sini untuk  
mendaftar **SEMUA 6 sesi**



Pautan pendaftaran untuk setiap sesi webinar  
boleh didapati di halaman sesi tersebut.



**CPD** | **BAR COUNCIL  
MALAYSIA**  
REFINING SKILLS

Dianjurkan oleh  
Bar Council Continuing Professional Development Department

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi:  
[cpd.events@malaysianbar.org.my](mailto:cpd.events@malaysianbar.org.my)

# CPD FEST

## Islamic Estate Management (Pengurusan Pusaka Islam)

30 dan 31 Okt  
1, 6, 7 dan 8 Nov 2023

Sesi 1

### Sesi 1:

30 Okt 2023 (Isnin)

2:30 petang hingga 4:00 petang

### Prosedur yang Perlu Dipatuhi oleh Pewasiat Serta Kedudukan Undang-undang di Malaysia

Kod CPD: T5/30102023/BC/BC233244/1

Mata CPD: 1

Klik di sini  
untuk mendaftar

Ramai dalam kalangan orang Islam yang tidak mempraktikkan pengurusan harta sewaktu hidup mereka. Kebiasaannya harta pusaka si mati dibahagikan secara faraid kerana masih ramai kalangan orang Islam berpendapat bahawa perbincangan berkenaan harta si mati sewaktu hidupnya adalah sesuatu yang sensitif.

Walhal dalam Islam terdapat pelbagai kaedah pengurusan harta iaitu secara faraid, hibah, wasiat, amanah dan wakaf.

Dalam Islam, kadar wasiat tidak boleh melebihi kadar 1/3 daripada jumlah keseluruhan harta. Sekiranya kadar melebihi 1/3, persetujuan waris perlu diperolehi. Terdapat beberapa langkah dan prosedur yang perlu dipatuhi oleh pewasiat serta kedudukan undang-undang di Malaysia berdasarkan undang-undang dan kes.

### Penceramah

**Nor Zabetha bt Muhamad Nor** berkelulusan LLB (Kepujian) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia ("UIAM") pada tahun 2008 dan kemudiannya diterima sebagai peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi Malaya pada tahun 2009. Beliau kini beramal di Nor Zabetha Chinna & Co.



Nor Zabetha memupuk minatnya dalam mendidik orang ramai tentang undang-undang dan isu-isu berkaitan sejak tahun 2016 dengan menulis artikel-artikel berkaitan isu semasa dan perundangan.

Beliau telah dijemput untuk memberi pandangan dan berceramah mengenai hal undang-undang di institusi-institusi pengajian tinggi, badan-badan kerajaan dan juga pelbagai saluran media seperti Bernama, Astro Awani, New Straits Times, The Malay Mail, The Sun Daily, Malaysiakini, Harian Metro, dan Sinar Harian.

Nor Zabetha memberi nasihat undang-undang dan berusaha untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang topik-topik seperti kesalahan kecil, penderaan dan keganasan rumah tangga, fitnah, gangguan seksual, hak kanak-kanak dan sebagainya dengan tumpuan yang sewajarnya terhadap isu-isu semasa. Ini membolehkan masyarakat mendapat manfaat dan memahami apa itu undang-undang dan bagaimana undang-undang berfungsi untuk melindungi mereka.

Nor Zabetha turut aktif dalam mendidik dan menggalakkan penyertaan golongan muda dalam arena undang-undang. Beliau berhasrat untuk terus menyumbang kepada masyarakat dan menegakkan integriti pentadbiran undang-undang di Malaysia.

# CPD FEST

## Islamic Estate Management (Pengurusan Pusaka Islam)

30 dan 31 Okt  
1, 6, 7 dan 8 Nov 2023

Sesi 2

### Sesi 2:

31 Okt 2023 (Selasa)

2:30 petang hingga 4:00 petang

### Memanfaatkan Wakaf dalam Pengurusan Harta

Kod CPD: T5/31102023/BC/BC233245/1

Mata CPD: 1

Klik di sini  
untuk mendaftar

Sesi ini melibatkan perbincangan tentang bagaimana konsep mewakafkan sebahagian daripada harta seseorang boleh digunakan untuk memenuhi keperluan rakyat daripada semua kumpulan pendapatan, dalam sektor yang berbeza meliputi pendidikan, kebajikan dan pembagunan sosial.

### Penceramah

**Sharifah Shafika Alsagoff** ialah rakan kongsi kumpulan amalan perbankan dan kewangan di Skrine dengan lebih daripada 25 tahun pengalaman dalam kewangan Islam dan pasaran modal.

Fokus beliau termasuk pelbagai isu seperti kewangan Islam peruncitan dan korporat, bon projek, penstrukturan semula hartanah dan isu kawal selia. Kliennya termasuklah agensi kerajaan dan entiti lain berkaitan kerajaan, institusi kewangan antarabangsa dan penyedia perkhidmatan korporat.



Beliau juga menasihati klien di peringkat antarabangsa mengenai pelbagai pasaran modal dan struktur pelaburan Islam.

# CPD FEST

## Islamic Estate Management (Pengurusan Pusaka Islam)

30 dan 31 Okt  
1, 6, 7 dan 8 Nov 2023

Sesi 3

### Sesi 3:

1 Nov 2023 (Rabu)

2:30 petang hingga 4:00 petang

### Surat Pentadbiran dan Probet dalam Pengurusan Harta Pusaka Orang Islam

Kod CPD: T5/01112023/BC/BC233246/1

Mata CPD: 1

Klik di sini  
untuk mendaftar

Webinar ini akan mengupas perkara-perkara berikut:

- Bagaimana untuk merancang pengagihan harta pusaka;
- Perbezaan antara Surat Pentadbiran atau Probet dengan Sijil Faraid; dan
- Tindakan yang perlu diambil selepas mendapat Surat Pentadbiran atau Probet.

### Penceramah

**Fahri Azzat** beramal sebagai peguam sejak tahun 1999 dan ialah peguam Syarie sejak tahun 2015. Beliau kerap menasihati dan menyediakan dokumen-dokumen bagi perancangan harta pusaka orang Islam dan orang bukan orang Islam. Beliau juga mengendalikan kes-kes berkenaan harta pusaka dan perlantikan pentadbir atau wasi di Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Beliau sekarang Pengurus Pekongsi Tetuan Fahri, Azzat & Co.





# CPD FEST

## Islamic Estate Management (Pengurusan Pusaka Islam)

30 dan 31 Okt  
1, 6, 7 dan 8 Nov 2023

Sesi 4

### Sesi 4:

6 Nov 2023 (Isnin)

2:30 petang hingga 4:00 petang

### Harta Sepencarian dan Hak Wanita

Kod CPD: T5/06112023/BC/BC233247/1

Mata CPD: 1

Klik di sini  
untuk mendaftar

Dewasa ini, pasangan suami isteri yang bercerai sering menuntut hak-hak mereka di Mahkamah Syariah, khususnya bagi tuntutan harta sepencarian. Bagi pasangan suami isteri yang telah lama berkahwin, mereka sedikit sebanyak telahpun memperolehi harta seperti tanah, rumah, kereta, saham dan sebagainya. Perolehan harta-harta tersebut lazimnya datang daripada hasil usahasama dan pengorbanan suami dan isteri, sama ada secara langsung atau secara tidak langsung. Ini tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak.

Justeru, bagi pasangan suami isteri tersebut, khususnya para wanita sewajarnya mengetahui hak mereka dalam perolehan harta sepencarian, kaedah tuntutan dan pembahagian harta sepencarian apabila kes tersebut dibawa atau dibicara di Mahkamah Syariah. Adalah penting untuk mengetahui hak-hak mereka dalam harta sepencarian dan bila mereka boleh menuntutnya di Mahkamah Syariah.

### Penceramah

**Hj Mukhtar b Abdullah** ialah seorang peguam sivil dan Syarie. Beliau ialah rakan kongsi di Zamani Mohammad & Co., dan mempunyai kelulusan Ijazah Undang-undang daripada UIAM pada tahun 1991.



Beliau ialah penceramah bagi siri seminar yang dianjurkan oleh Majlis Peguam dan Jawatankuasa Peguam Negeri-Negeri di bawah program Pembangunan Profesional Berterusan (Continuing Professional Development, "CPD"). Beliau turut memberi ceramah kepada badan-badan bukan kerajaan di Semenanjung Malaysia dan Sabah, terutamanya dalam isu berkaitan hak-hak wanita di bawah undang-undang keluarga Islam dan perancangan harta melalui hibah, harta sepencarian dan wasiat, serta penyelesaian harta selepas kematian.

Beliau mempunyai pengalaman selama 27 tahun dalam bidang undang-undang sivil dan Syariah, dan merupakan mantan Pengerusi Persatuan Peguam Syarie Terengganu ("PPST"). Kini, beliau ialah penasihat kepada PPST dan ahli dalam Jawatankuasa Undang-Undang Syariah Majlis Peguam.

Webinar ini akan mengupas isu-isu berikut:

- Definisi harta sepencarian;
- Uruf atau adat iktiraf harta sepencarian;
- Maksud kerja dan sumbangan idea isteri;
- Bila isteri boleh menuntut harta sepencarian;
- Beban bukti tuntutan harta sepencarian;
- Harta sepencarian bagi peneroka;
- Konsep sulh dalam tuntutan harta sepencarian;
- Bolehkah caruman KWSP dikira harta sepencarian;
- Bolehkah harta sepencarian dituntut terhadap harta yang telah dijual selepas perceraian;
- Adakah harta perlu dibahagikan mengikut nilai semasa; dan
- Bolehkah wanita menuntut harta sepencarian terhadap harta pusaka suaminya?

Setakat ini, beliau telah menulis dan menerbitkan dua belas (12) buah buku untuk rujukan peguam, pelajar Syariah dan orang awam. Judul-judul yang diterbitkan ialah:

1. *Harta Sepencarian dan Hak Wanita* (2014);
2. *Suami Isteri: Hak dan Obligasi dari Sudut Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia* (2015);
3. *Aplikasi & Tuntutan Hibah di Mahkamah Syariah di Malaysia* (2016);
4. *Pembubaran Perkahwinan Secara Fasakh: Kaedah dan Pelaksanaannya di Mahkamah Syariah di Malaysia* (2017);
5. *Tuntutan Wasiat di Mahkamah Syariah di Malaysia* (2018);
6. *Perancangan & Pengurusan Harta dari Perspektif Syariah & Undang-Undang di Malaysia* (2019);
7. *Mut'ah Bukanlah Suatu Tuntutan Balas Dendam* (2020);
8. *Hak Wanita Selepas Bercerai di Bawah Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia* (2021);
9. *Urus Pusaka Dari Perspektif Syariah & Undang-undang di Malaysia* (2022);
10. *Wakalah: Kepentingan Wakalah dalam Guaman Syarie di Mahkamah Syariah di Malaysia* (2022);
11. *Talaq Tiga: Putus atau Terus?* (2022); dan
12. *Hutang dalam Perkahwinan: Mudah ke Menuntutnya di Mahkamah Syariah?* (2023).

# CPD FEST

## Islamic Estate Management (Pengurusan Pusaka Islam)

30 dan 31 Okt  
1, 6, 7 dan 8 Nov 2023

Sesi 5

### Sesi 5:

7 Nov 2023 (Selasa)

2:30 petang hingga 4:00 petang

### Aplikasi Hibah dan Hibah Amanah dalam Konteks Kewangan Islam

Kod CPD: T5/07112023/BC/BC233248/1

Mata CPD: 1

Klik di sini  
untuk mendaftar

Hibah sebagai satu kontrak unilateral merupakan alternatif yang kerap digunakan untuk merancang pengurusan harta bagi umat Islam di Malaysia. Kontrak hibah juga kerap digunakan sebagai instrumen dalam pembentukan produk perbankan Islam. Sesi ini akan membentangkan peranan dan aplikasi hibah dan hibah amanah dalam konteks kewangan Islam.

### Penceramah

**Dr Syed Adam Alhabshi** adalah seorang rakan kongsi yang mengetuai "Islamic finance practice group" di Raja, Darryl & Loh. Berkelulusan PhD dalam Kewangan Islam daripada International Centre for Islamic Finance Education ("INCEIF") (2016), beliau juga mendapat kelulusan Chartered Islamic Finance Professional ("CIFP") daripada INCEIF pada tahun 2011, dan telah mempelajari undang-undang di UIAM (2006).



Beliau merupakan Chartered Professional in Islamic Finance ("CPIF"). Dr Syed Adam juga merupakan Juruaudit Dalaman dan Ahli Bersekutu Persatuan Penasihat Syariah dalam Kewangan Islam Malaysia ("ASAS"). Beliau sebelum ini berkhidmat sebagai Setiausaha Kehormat dan Grand Council Member dalam Chartered Institute of Islamic Finance ("CIIF") (2015-2023).

Beliau kini menganggotai Jawatankuasa Kewangan Islam Majlis Peguam Malaysia sebagai Pengerusi Bersama.

# CPD FEST

## Islamic Estate Management (Pengurusan Pusaka Islam)

30 dan 31 Okt  
1, 6, 7 dan 8 Nov 2023

Sesi 6

### Sesi 6:

8 Nov 2023 (Rabu)

2:30 petang hingga 4:00 petang

### Kepentingan Sijil Faraid dalam Pengurusan Harta Pusaka Islam

Kod CPD: T5/08112023/BC/BC233249/1

Mata CPD: 1

Klik di sini  
untuk mendaftar

Webinar ini akan membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan pengurusan harta orang Islam yang seringkali dilupakan atau diperlakukan secara tidak betul oleh peguam.

Peserta webinar ini akan mempelajari bagaimana untuk mengelakkan kesilapan dalam pengurusan harta orang Islam, termasuklah perkara-perkara seperti hibah, wasiat, pentadbiran harta pusaka dan lain-lain.

### Penceramah

**Murshidah Mustafa** ialah Bendahari Badan Peguam Malaysia untuk penggal 2021/2022, 2022/2023 dan 2023/2024. Beliau pernah berkhidmat sebagai wakil Jawatankuasa Peguam Negeri Kedah ke Majlis Peguam bagi penggal 2018/2019 dan 2019/2020.



Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengerusi Bersama bagi Jawatankuasa Pembangunan Kemahiran Profesional Majlis Peguam, dan sebagai Timbalan Pengerusi Bersama (2019 hingga 2020) dan Timbalan Pengerusi (2018 hingga 2019) bagi Jawatankuasa Pembangunan Kemahiran Profesional Majlis Peguam, Timbalan Pengerusi bagi Jawatankuasa Mediasi Majlis Peguam (2019 hingga 2020), Timbalan Pengerusi bagi Jawatankuasa Penjagaan dan Kebajikan Pengamal Undang-Undang Majlis Peguam (2019 hingga 2020), dan Timbalan Pengerusi bagi Jawatankuasa Firma Kecil Majlis Peguam (2019 hingga 2020).

Murshidah berpengalaman mengendalikan seminar dan webinar berkaitan probet, hibah, wasiat, faraid dan isu-isu lain yang melibatkan pengurusan harta pusaka orang Islam.

**Mohamad Redzuan b Idrus** telah diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara di Mahkamah Tinggi Malaya di Pulau Pinang pada tahun 2002. Beliau ialah rakan kongsi di Fariz Halim & Co. dan berpengalaman dalam bidang amalan percaraan (conveyancing) dan litigasi umum dan Pusaka. Pada tahun 2020, Redzuan telah ditauliahkan sebagai seorang mediator.



Beliau juga merupakan salah seorang pengasas Persatuan Guaman Hartanah Malaysia pada tahun 2015 dan telah dilantik sebagai Timbalan Pengerusi dari tahun 2015 hingga 2020.

Redzuan kerap dijemput oleh agensi kerajaan dan swasta untuk mengendalikan seminar berkaitan hartanah, korporat dan pengurusan harta pusaka. Ini termasuklah Perkeso, CIMB Islamic Bank, PlanMalaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri, LPPKN, JKP Sdn Bhd, Penang Development Corporation, Pejabat Tanah Daerah Seberang Perai Utara dan banyak lagi.

Pada tahun 2022, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kecil Percaraan di Jawatankuasa Peguam Pulau Pinang bagi sesi 2022/23 dan telah mengarahkan Penang Inaugural Conveyancing Conference 2022, satu persidangan fizikal pasca pandemik COVID-19.

Beliau memegang jawatan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kewangan Islam di Jawatankuasa Peguam Pulau Pinang untuk sesi 2023/24.

Dari segi penulisan dan pemajuan modul, beliau telah memajukan pelbagai modul professional untuk pengamal perundangan termasuklah "Professional Hibah Drafter" bersama Mawardi Che Man dan beberapa lagi pengamal perundangan lain.

Buku tulisan beliau bertajuk "Analisis Hibah Semasa: Mutlak, Amanah, Cagar Dan Syarat" telah ditulis bersama dua orang penulis dan diterbitkan pada tahun 2020.

# CPD FEST

## Islamic Estate Management (Pengurusan Pusaka Islam)

30 dan 31 Okt  
1, 6, 7 dan 8 Nov 2023

### Terma dan Syarat

- Bahan rujukan akan dihantar melalui e-mel sahaja.
- Tiada nota bercetak akan diberikan.
- Tiada rakaman acara dibenarkan melalui sebarang cara pada bila-bila masa.
- Tiada bahagian kandungan acara boleh digunakan/dicetak semula dalam apa jua bentuk tanpa kebenaran bertulis dan eksplisit Majlis Peguam dan penceramah.
- Pendaftaran akan disahkan setelah bukti pembayaran diterima, dan akan diperuntukkan selagi ada kekosongan.
- Pendaftaran akan ditutup pada jam 3:00 petang, tiga hari bekerja sebelum sesi bermula. Pembatalan hendaklah dibuat secara bertulis. Tidak akan ada bayaran balik untuk pembatalan yang dibuat kurang daripada tiga hari bekerja sebelum sesi bermula, namun begitu, penggantian adalah dibenarkan.
- Tiada pendaftaran tambahan akan diterima setelah tarikh tutup telah berlalu, atau jika acara CPD telah penuh.
- Jabatan CPD mungkin tidak membenarkan pendaftaran akan datang jika anda gagal menghadiri acara CPD selepas mendaftar melainkan anda memberikan alasan yang munasabah dan sah.
- Penganjur berhak untuk mengubah suai, membatalkan atau menangguhkan acara, sekiranya timbul keadaan yang memerlukan tindakan sedemikian, yang mana semua yuran pendaftaran yang telah dibayar akan dikembalikan.
- Mata untuk Skim CPD tidak akan diberikan kepada Ahli Badan Peguam dan pelatih dalam kamar yang tiba lebih lewat daripada 15 minit, tidak hadir sepanjang acara, atau keluar sebelum tamat yang masa yang dijadualkan.



**CPD** BAR COUNCIL  
MALAYSIA  
REFINING SKILLS

Dianjurkan oleh  
Bar Council Continuing Professional Development Department

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi:  
[cpd.events@malaysianbar.org.my](mailto:cpd.events@malaysianbar.org.my)